



TADAH...Nor Hisham menunjukkan kolam tadahan di Pusat Kawalan Smart Berembang, Ampang.

Rugi RM4j setahun akibat sampah

KUALA LUMPUR: Sikap rakyat Malaysia yang membuang sampah dalam sungai menjadi punca utama banjir kilat sering melanda sehingga rekod mencatatkan dua kejadian banjir besar berlaku di ibu kota dalam tempoh singkat iaitu pada Mac dan Mei baru-baru ini. Malah, disebabkan masalah itu, Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (Smart) menanggung kerugian hampir RM4 juta se-

tahun bagi menanggung kerosakan untuk menyelenggara infrastruktur dan komponen perangkap sampah yang rosak akibat sampah. Pengarahnya, Nor Hisham Mohd Ghazali berkata, setiap kali berlakunya banjir besar pelbagai sampah kelihatan menyebabkan berlakunya banyak kerosakan pada setengah komponen yang menyokong sistem Smart. “Kami berusaha memper-

tingkatkan kaedah penyelenggaraan dengan baik bagi mengurangkan kos namun sampah yang ditemui terlalu banyak sehingga tidak mampu menampung peralatan yang digunakan, malah ada yang rosak dan pecah. “Usaha menangani masalah ini akan dilakukan berterusan dengan mendekatkan diri kepada masyarakat terutama yang berada di kawasan ulu dan penganjuran program kesedaran turut diadakan bagi menjaga keber-

sihan sungai yang diharap memberi manfaat kepada orang ramai,” katanya ketika ditemui, semalam. Beliau ketika ditemui selepas sesi taklimat media di Pusat Kawalan Smart (SCC), di sini, berkata, Smart bukan saja menanggung kerugian, malah terpaksa membelanjakan hampir RM150,000 setahun bagi menguruskan sampah yang tersekat dan terperangkap pada sistem perangkap automatik.